

03/02/2002

Minda tertutup rugikan bangsa Melayu

Mokhtar Alias; Jamudin Idris

PENTINGNYA keterbukaan minda mendorong diadakan Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam di ibu negara pada 29 hingga 31 Januari lalu, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Persidangan itu digerakkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan harapan minda Melayu lebih telus dan terbuka selepas berjaya mencapai kemerdekaan politik. Wartawan Berita Minggu, MOKHTAR ALIAS dan JAMUDIN IDRIS menemu bual Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar (gambar) bagi melihat kepentingan dan hasil persidangan itu.

BAGAIMANA wujudnya idea untuk mengadakan persidangan ini?

Sekitar awal tahun lalu, selepas lama mengikuti berita, komen pemimpin dan beberapa insiden berkaitan orang Melayu, timbul satu pertanyaan bahawa teruk benarkah masyarakat Melayu? Di mana silap, ada semacam sesuatu yang tidak kena. Sudah banyak orang Melayu hantar anak belajar agama, seolah-olah satu aliran untuk menolak dunia, proses penutupan minda ke arah keduniaan sehingga wujud perkataan sekular. Jadi wujud idea untuk menemukan ahli fikir dan bijak pandai Melayu sendiri bagi memecahkan masalah ini. Saya berbincang dengan Tan Sri Hamid Othman (Penasihat Agama Perdana Menteri) yang membawakannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ternyata Perdana Menteri bersemangat dan menyokong projek ini.

Dalam pada itu, berlaku tragedi 11 September membuatkan kami berasa apa yang difikirkan itu benar, secara kebetulan. Senario dunia, sikap dunia terhadap masyarakat Islam sudah berubah sehingga suatu waktu, seolah-olah orang Islam diburu semua negara maju. Selepas itu, PM letakkan tarikh 4 Februari mengadakan seminar ini, tajuknya: Penutupan Minda Melayu tetapi nampak negatif. Selepas berbincang dengan beberapa bijak pandai termasuk Tan Sri Ismail Hussein (Ketua Satu Gapena), tajuk ditukar kepada Proses Pembukaan Minda Melayu.